

SOALAN NO: 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK LIANG TECK MENG

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) apakah statistik penempatan pekerja yang berjaya mendapatkan pekerjaan melalui laman Jobs Malaysia; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian memastikan tidak wujud unsur penipuan atau penganiayaan yang berkaitan tawaran pekerjaan oleh majikan kepada pekerja yang telah mendaftar dengan Jobs Malaysia .

PR-1331-T66608

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seramai 1,023,539 pencari kerja yang berjaya mendapatkan pekerjaan melalui laman web portal *JobsMalaysia* bagi tempoh

2010 sehingga 2014. Pecahan pencari kerja yang berjaya mendapat pekerjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Jadual 1: Pencapaian Penempatan Pekerjaan Oleh Portal JobsMalaysia Dari Tahun 2010 Sehingga 2014

Tahun	Jumlah Penempatan	
	Portal JobsMalaysia	Keseluruhan Melalui Semua Aktiviti JobsMalaysia
2010	17,287	110,239
2011	20,173	202,185
2012	11,258	218,588
2013	34,740	232,760
2014	40,491	259,767
Jumlah	123,949	1,023,539

Sumber: JobsMalaysia

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mewujudkan integrasi antara portal *JobsMalaysia* dengan portal *myIDENTITY* di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mulai 14 Januari 2015. Integrasi kedua-dua sistem portal ini telah berjaya menghalang majikan yang cuba membuat penipuan kerana setiap pendaftaran majikan hendaklah mendapatkan pengesahan kad pengenalan terlebih dahulu sebelum mengiklankan kekosongan jawatan dengan portal *JobsMalaysia*.

3. Kementerian juga sedang membangunkan dan menambahbaik portal *JobsMalaysia* dari masa ke semasa bagi mempertingkatkan

lagi sistem sokongan keselamatan untuk mengelakkan penipuan dan penganiayaan yang berkaitan tawaran pekerjaan oleh majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Di antara langkah lain yang diambil oleh JTK ialah mana-mana majikan yang ingin mengiklankan kekosongan jawatan melalui portal *JobsMalaysia* akan diminta membuat pengesahan bahawa tidak akan mengenakan apa-apa bayaran kepada pencari kerja sebelum boleh mengiklankan jawatan di dalam portal *JobsMalaysia*.

5. Sekiranya majikan ini masih melakukan kesalahan menipu pencari kerja, maka pihak JTK akan menyenaraikan hitam majikan tersebut daripada menggunakan portal *JobsMalaysia* pada masa akan datang.